

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN AKMAL NASRULLAH BIN  
MOHD NASIR [JOHOR BAHRU]**

**TARIKH : 23 NOVEMBER 2020 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD. NASIR [ JOHOR BAHRU ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan komitmen yang telah diambil oleh Kerajaan bagi menentang amalan rasuah melibatkan ketirisan perolehan Kerajaan yang dikatakan kembali berleluasa.

**JAWAPAN**

**YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN  
UNDANG-UNDANG)**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sedang memperkukuhkan aspek penguatkuasaan dalam pemantauan isu-isu perolehan yang berskala besar melalui rangkaian sumber. Ini bagi membantu mengurangkan ketirisan perolehan awam. Di bawah Pelan Anti Rasuah Nasional (NACP) 2019-2023, terdapat 16 inisiatif kerajaan untuk menambahbaik sistem prosedur perolehan awam bagi mengekang ketirisan wang kerajaan. Antara contoh inisiatif yang ditetapkan untuk dilaksanakan oleh agensi peneraju adalah:

## NO. SOALAN : 38

- i) Memperkukuhkan *Integrity Pact* sedia ada supaya seiring dengan piawaian antarabangsa.
- ii) Memperkenalkan dasar perolehan yang komprehensif berhubung pengisytiharan konflik kepentingan semasa proses perolehan.
- iii) Meningkatkan sistem perolehan berasaskan teknologi (e-perolehan) bagi mengurangkan campur tangan manusia.

Selain itu, kerajaan komited dalam usaha memerangi rasuah, memperbaiki integriti dan melaksanakan urus tadbir yang baik. Oleh itu pelaksanaan Seksyen 17A Akta SPRM mengenai Liabiliti Korporat telah dikuatkuasakan bermula 1 Jun 2020. Peruntukan ini menetapkan agar organisasi komersial mewujudkan persekitaran perniagaan yang bersih daripada aktiviti rasuah dimana setiap organisasi perlu mengadakan *adequate procedure*. Tatacara mencukupi ini adalah untuk menghalang pekerja dan/atau orang yang bersekutu dengan organisasi komersial itu daripada melakukan kesalahan rasuah berkaitan dengan aktiviti perniagaannya.

Sekian, terima kasih.